

# KENO ORAL PASTE®

Triamcinolone Acetonide (1mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Keno
2. Bagaimana Keno berfungsi
3. Sebelum menggunakan Keno
4. Cara menggunakan Keno
5. Semasa menggunakan Keno
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Keno
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Keno

Keno digunakan untuk rawatan tambahan dan untuk melegakan gejala yang berkaitan dengan keradangan atau ulser mulut akibat trauma.

## Bagaimana Keno berfungsi

Isi kandungan Keno yang melekit akan melekat pada permukaan mulut yang basah lalu menghasilkan satu lapisan perlindungan pada ulser mulut anda.

## Sebelum menggunakan Keno

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Mempunyai jangkitan bakteria, kulat, atau jangkitan virus pada mulut atau tekan
- Pernah atau mengalami alahan terhadap sebarang bahan kandungan yang terdapat dalam Keno

### - Sebelum mula menggunakan Keno

Sila beritahu doktor anda:

- Sekiranya tiada perubahan atau penambahbaikan selepas 7 hari rawatan,

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil produk ini, rujuk kepada doktor anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan nasihat.

### - Semasa mengandung dan menyusu bayi

Keselamatan penggunaan produk ini semasa mengandung masih tidak dikenalpasti. Oleh

itu, adalah dinasihatkan untuk bertanya pada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan.

## Cara menggunakan Keno

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa banyak harus digunakan

Picit sedikit Keno pada putik kapas yang bersih dan lembap. Kemudian, sapu dengan perlahan pada kawasan yang terjejas tanpa menggosoknya sehingga satu lapisan nipis terhasil.

### - Bila perlu digunakan

Guna pada masa tidur dan jika perlu, 2 atau 3 kali sehari selepas makan, atau guna seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Keno

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda

perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Keno, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang menggunakan Keno.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan menggunakan Keno selepas tarikh luput yang dinyatakan pada tiub dan kotak tersebut.
- Jangan berhenti mengambil Keno tanpa kebenaran doktor anda.
- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu atau mengendalikan mesin jika anda berasa kurang sihat. Hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Kemungkinan tiada kesan sampingan jika diambil seperti yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan sekiranya digunakan untuk jangka masa yang panjang. Tidak toleransi pada Keno adalah sangat jarang.

Jika anda perasan terdapat sebarang iritasi atau kesan sampingan yang lain seperti lemah atau pening yang mungkin disebabkan oleh penggunaan produk ini, hentikan penggunaan dan rujuk pada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public –> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Keno

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering pada suhu di bawah 30°C. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Keno adalah krim likat yang berwarna perang cair, tiada rasa, serta tiada bau.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap gram pes mengandungi 1mg Triamcinolone acetonide.

- Bahan tidak aktif

Hydrocarbon gel, carboxymethylcellulose sodium, pectin

- Bungkusan

Keno dibungkus dalam tiub 3g dan 5g. Ianya juga datang dalam sebuah kotak yang mengandungi 30 bungkusan kecil x 1g untuk penggunaan tunggal sahaja.

- Nombor MAL

MAL19930493AZ

**Pengilang**

T.O. Chemicals (1979) Ltd.,  
280 Soi Sabaijai, Suthisarn Road,  
Bangkok 10320, Thailand.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

11/09/2017

**Nombor siri**

NPRA(R4/1)070917/00246